

2

PERWALIAN DALAM PERKAHWINAN

Allah telah menciptakan manusia terdiri daripada lelaki dan wanita sebagai sepasang suami isteri mengikut sistem hidup rabbani. Peraturan inilah yang menjadi sempadan untuk memelihara fitrah dan potensi-potensi yang ada pada lelaki dan perempuan supaya mereka dapat berfungsi melaksanakan tugas-tugas mengikut kebolehan masing-masing. Oleh yang demikian, adalah adil bagi Allah mempertanggungjawabkan kepada kaum lelaki untuk menyediakan keperluan-keperluan asas rumah tangga dan memberi perlindungan kepada isi keluarganya. Atas alasan inilah maka kaum lelaki lebih wajar memegang tampuk kepimpinan dalam institusi kekeluargaan. Oleh kerana tanggungjawab dan bebanan tugas yang berat diberikan kepada kaum lelaki, maka bersesuaianlah kuasa wali diberikan kepada kaum lelaki.

Hukum Wali dalam Perkahwinan

Para fuqaha dari kalangan mazhab Maliki, Hambali dan Syafi'e berpendapat bahawa wali merupakan syarat utama dalam sesebuah perkahwinan. Perkahwinan yang dilangsungkan tanpa kehadiran wali adalah tidak sah menurut pendapat jumur fuqaha. Seorang perempuan tidak dibenarkan mengahwinkan dirinya sendiri sama ada dengan keizinan walinya ataupun tidak. Begitu juga perempuan tidak boleh mengahwinkan orang

lain dengan cara menerima wakil daripada walinya dan tidak boleh menerima nikah bagi perempuan yang lain sama ada melalui kuasa perwalian atau perwakilan. (Wahbah al-Zuhayli, 2005:263).

Sifat semula jadi seorang perempuan yang dipenuhi dengan sifat-sifat kelembutan dan juga rasa malu dalam diri menjadikan seorang perempuan itu tidak wajar untuk dipertanggungjawabkan memikul tugas yang besar seperti menjadi wali dalam perkahwinan. Alasan ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh karena Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan karena mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. Maka wanita yang soleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusuznya, Maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, Maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”

(an-Nisa':34)

Ayat ini menjelaskan bahawa sesuatu akad nikah itu hendaklah dilakukan oleh wali lelaki. Mereka mempunyai tanggungjawab yang besar oleh yang demikian, sesuaialah kuasa ini diberikan kepada pihak lelaki.

Wali dalam perkahwinan antara satu rukun yang penting. Tanpa kebenaran dari pihak wali, sebuah perkahwinan itu tidak sah terutama sekali dalam perkahwinan seorang perempuan (anak dara). Wali yang paling afdal dalam sesuatu proses